

Headline **Tiada pusat jagaan khusus pesakit lelaki**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **979**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **178 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **2,937**



Tiada pusat jagaan khusus pesakit lelaki

MASALAH tiada rumah perlindungan bagi kaum lelaki yang dijangkiti virus HIV menyebabkan mereka memilih gereja untuk mencari perlindungan.

Perkara sebegini mestilah dipandang berat oleh kerajaan, jika tidak nasib mereka yang beragama Islam akan terus teraniaya didalam negara sendiri.

Yang Dipertua Rumah Perlindungan Baitul Fiqah, Junaidi Yean Abdullah berkata, terdapat kira-kira 3,000 pesakit lelaki Aids yang beragama Islam di Lembah Klang mengalami masalah tiada tempat perlindungan untuk merujuk kes mereka.

"Setakat ini, rumah perlindungan dan pemulihan untuk pesakit HIV/Aids untuk wanita dan kanak-kanak Islam sudah ada. Yang menimbulkan masalah adalah ketiadaan pusat perlindungan untuk lelaki Islam," kata Juhaidi ketika ditemui di Darul Ukhwah baru-baru ini.

Katanya, biasanya pesakit ini

akan menjadikan lorong-lorong di celah bangunan sebagai tempat berlindung. Selain itu ada yang tinggal di hospital dan juga yang menghuni di pusat perlindungan bukan Islam.

"Sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ini yang kita usahakan sebagai satu langkah untuk jagaan kepada kes-kes seperti ini. Kita juga sedar bahawa selain menghidap Aids, mereka juga mempunyai penyakit kedua yang memerlukan penjagaan yang cukup rapi," katanya yang juga Exco Perhubungan Darul Ukhwah.

Menurut Juhaidi, pihaknya mendapat kerjasama yang cukup baik daripada Majlis Agama Islam Selangor (Mais), Kementerian Kesihatan, Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Masyarakat, Majlis Aids Malaysia dan banyak lagi dalam usaha melindungi pesakit ini.

"Kita bersyukur kerana Mais dan agensi-agensi terbabit sudi memberikan bantuan kepada kita



➤ JUNAIDI YEAN ABDULLAH

untuk usaha ini di mana sebelum ini tiada kepakaran mengendali kes sebegini. Kita mahukan agar para pesakit dapat diberikan pengisian dan kaedah pemulihan yang sepatutnya di samping mereka dapat menjalankan rutin kehidupan seperti biasa," katanya.

Katanya lagi, Baitul Fiqah padanya awalnya merupakan rumah perlindungan untuk bayi-bayi yang dibuang, wanita dan remaja. Namun, rumah perlindungan itu mula menerima pesakit HIV lelaki pada awal tahun dengan permulaan seramai enam orang.